

## **Hubungan antara perkahwinan dengan *self-esteem***

**Suriyani Binti Yahya**

**Fatahyah Yahya**

yfatahyah@fcs.unimas.my

**Aina Razlin Mohammad Roose**

Universiti Malaysia Sarawak

### **Abstrak**

*Kajian ini bertujuan mengenalpasti hubungan antara perkahwinan dengan self-esteem. Kajian ini juga dijalankan untuk mengenalpasti perbezaan antara faktor demografi terpilih iaitu jantina, umur dan pangkat dengan self-esteem, mengenalpasti hubungan antara aspek komunikasi dan kawalan terhadap self-esteem. Soalselidik diedarkan kepada 219 anggota tentera di Markas 3 Briged Kem Penrisen Kuching, Sarawak.. Ujian-t tidak bersandar dan ujian ANOVA sehala digunakan untuk menguji hipotesis berkaitan perbezaan antara faktor demografi dengan self-esteem. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara umur dengan self-esteem dan pangkat dengan self-esteem. Hanya faktor demografi jantina yang tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan dengan self-esteem. Pengkaji mendapati hubungan yang wujud antara perkahwinan dengan self-esteem adalah tidak linear, maka Pekali Spearman Rho telah digunakan untuk menguji hubungan di antara kedua-dua pembolehubah tersebut. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara perkahwinan dengan self-esteem. Pekali Pearson Product-Moment pula digunakan untuk menganalisis hubungan antara aspek komunikasi dan kawalan dengan self-esteem. Hasil dari penganalisisan mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara aspek komunikasi dan kawalan dengan self-esteem.*

### **Pendahuluan**

Sekitar penghujung 90-an, saintis sosial mula peka terhadap perubahan yang berlaku dalam institusi keluarga seiring dengan kepesatan pembangunan dan proses urbanisasi yang berlaku. Pelbagai isu yang timbul seperti kemiskinan, pekerja kanak-kanak, peningkatan kes penceraian, dan pelbagai lagi perkembangan negatif telah mengganggu fungsi sesebuah keluarga (Khasgiwala, 1993).

Menurut Wilson dan Oswald (2005), kajian yang telah dijalankan oleh sosiologis, psikologis dan epidemiologis menunjukkan bahawa mereka yang telah berkahwin mempunyai kesihatan fizikal dan psikologi yang lebih baik, usia yang lebih lanjut serta berada dalam keadaan yang gembira berbanding mereka yang belum berkahwin atau yang telah bercerai. Kajian yang dilakukan untuk melihat perbezaan antara individu yang telah dengan yang belum berkahwin pula menunjukkan mereka yang telah berkahwin mendapat manfaat yang lebih berbanding dengan yang belum berkahwin di mana manfaat tersebut lebih banyak dirasai oleh golongan lelaki berbanding wanita (Wilson and Oswald, 2005). Menurut Scott (2001), perkahwinan yang bermasalah secara tidak langsung akan memberi kesan negatif kepada golongan dewasa (pasangan suami isteri), anak-anak dan komuniti. Scott (2001) turut menyatakan bahawa permasalahan rumah tangga akan menyumbang kepada tekanan kepada pasangan suami isteri. Justeru itu, kajian ini dijalankan kerana pengkaji berminat untuk melihat perkaitan di antara perkahwinan dengan *self-esteem* dalam konteks masyarakat di Malaysia.